

06 MAR 1999

Mahathir-Sabah (Kerajaan)

DR MAHATHIR JAMIN KERAJAAN TIDAK DIKUASAI SATU KAUM

KOTA KINABALU, 6 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberi jaminan bahawa Malaysia tetap diperintah oleh kerajaan mewakili semua kaum walaupun Umno mempunyai cukup kerusi bagi membentuk kerajaan.

Perdana Menteri berkata Umno lebih rela kerajaan Malaysia diperintah bersama parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) yang mewakili semua kaum di negara ini bagi meneruskan kerjasama yang lama terjalin melalui Perikatan sejak merdeka.

"Kita memberi perakuan bahawa walaupun Umno mempunyai cukup kerusi untuk menubuhkan kerajaan tetapi kita tidak akan berbuat demikian," kata beliau ketika berucap kepada penduduk Petagas, di Lapangan Terbang Antarabangsa di sini.

"Kita tidak akan mengambil semua (kuasa) dan mereka (parti komponen lain) tidak akan berasa tersingkir dan sebaliknya mereka menyokong dan menyertai kita," katanya.

Dr Mahathir yang hari ini mengakhiri lawatan tiga hari ke Sabah, berkata inilah keunikan dalam kerajaan BN yang mencerminkan kepentingan semua kaum dan agama yang tidak mampu ditonjolkan oleh parti pembangkang.

Dr Mahathir berkata keunikan itu tergambar menerusi pilihan raya apabila parti-parti komponen BN sanggup menyokong calon Umno yang bertanding di kawasan yang pengundi Melayu tidak ramai dan "begitu juga kita akan menyokong parti komponen lain yang bertanding di kawasan yang pengundi Melayu ramai".

"Kita mengambil sikap bahawa kalau kita menolong orang, orang akan menolong kita. Mustahil kita menolong orang tetapi orang lain tidak mahu menolong kita. Itulah falsafah Umno," katanya.

Beliau berkata berikutan semangat kerjasama dan toleransi yang ditunjukkan oleh parti-parti komponen BN, Malaysia mampu mengekalkan kestabilan politik dan ekonomi tanpa menghadapi rusuhan seperti berlaku di negara lain.

"Sebab itulah Malaysia terkenal sebagai negara membangun yang paling maju dalam dunia" kata Perdana Menteri.

Menurut Dr Mahathir, negara lain walaupun mempunyai keupayaan untuk membangun selepas mengecap kemerdekaan tetapi pemimpin negara itu gagal melaksanakan dasar pembangunan negara yang baik kerana terpaksa memberi tumpuan bagi menstabilkan perpaduan di kalangan rakyatnya.

"Justeru itu, mereka tidak dapat mendirikan kerajaan yang berwibawa dan cekap," kata beliau.

Perdana Menteri meminta rakyat negara ini mengambil iktibar daripada pengalaman negara lain semasa menghadapi pilihan raya apabila ramai yang terbunuh "seolah-olah sedang berperang" dan keadaan itu berterusan apabila timbul rasa tidak puas hati selepas kerajaan negara mereka dibentuk.

"Di Malaysia ianya tidak berlaku... sebaliknya keadaan aman dan kerajaan yang dipilih dibenarkan mentadbir sehingga habis tempoh lima tahun seperti di Kelantan apabila PAS masih memerintah," katanya.

Dr Mahathir juga berkata rakyat Malaysia telah menunjukkan kematangan apabila percubaan pihak-pihak tertentu untuk menjatuhkan kerajaan secara demonstrasi tidak mendapat sokongan.

"Mereka ingat mereka pandai apabila menggunakan cara demonstrasi untuk merebut kuasa tetapi sebenarnya mereka merosakkan budaya bangsa...dan akhirnya rakyat bosan dan sekarang tidak ada lagi demonstrasi," katanya.

Beliau berkata: "Kita kini kembali kepada budaya asal kita sebagai

rakyat Malaysia...iaitu memilih kerajaan melalui pilihan raya dan bukan secara demonstrasi".

Dr Mahathir mengulangi nasihatnya pada siri kempennya di Sabah dengan berkata pilihan raya bukan sahaja bertujuan untuk memilih kerajaan tetapi untuk memilih kerajaan yang stabil dan mampu membawa kemajuan kepada rakyat.

Beliau berkata dakwaan parti Bersekutu dan Parti Bersatu Sabah (PBS) kononnya mereka akan menjalin kerjasama dengan kerajaan pusat sekiranya dapat membentuk kerajaan tidak akan berlaku kerana kerajaan pusat tidak akan memberikan kerjasama.

"Parti-parti itu cuma buat kacau daun sahaja, mereka mencari kesempatan, nak cari duit...supaya Yang Berhormatnya dapat elaun dan boleh mencuri (hasil kekayaan) di Sabah," katanya.

Dr Mahathir memberi jaminan sekiranya rakyat Sabah memberi mandat kepada BN untuk menerajui kerajaan negeri, beliau akan memastikan Sabah akan dibangunkan sama seperti Sarawak dan negeri lain di Semenanjung.

"Kita hendak lihat Sabah kaya dan Sabah dapat banyak nikmat pembangunan. Saya harap penduduk Sabah mengundi BN...Inilah janji saya,"

"Saya datang ke sini untuk merayu undi bagi semua calon BN kerana kita perlu kemenangan supaya dapat membentuk kerajaan terdiri daripada semua kaum dan dapat memastikan Sabah terus maju," katanya.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Ketua Menteri Sabah Tan Sri Bernard Dompok dan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah Datuk Osu Sukam.

-- BERNAMA

RAR FAZ